PESTA SUKAN KEMENTERIAN KEWANGAN (PSKK) 2026

KALI KE-47

PERATURAN PERTANDINGAN

ACARA SUKAN:

BOLA JARING

1. PENGENALAN

1.1. Nama Pertandingan

1.1.1. Pertandingan ini dinamakan Pertandingan Bola Jaring Pesta Sukan Kementerian Kewangan Kali Ke-47 Tahun 2026 (PSKK 2026) yang dikelolakan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

1.2. Kategori Pertandingan

1.2.1. Pertandingan Bola Jaring PSKK 2026 dipertandingkan dalam satu (1) kategori seperti berikut:

No.	Kategori
1.	Bola Jaring Kategori Wanita (W)

1.2.2. Setiap agensi hanya dibenarkan menghantar satu (1) pasukan bagi pertandingan Bola Jaring.

2. PERATURAN UMUM

2.1. Selain daripada peraturan pertandingan ini, pertandingan ini adalah tertakluk kepada Peraturan Am Pesta Sukan Kementerian Kewangan Kali Ke-47 Tahun 2026 (PSKK 2026) dan Undang-Undang Permainan Bola Jaring Dunia (*World Netball – WN*) yang sedang berkuat kuasa.

2.2. Sekiranya terdapat percanggahan antara Peraturan Pertandingan ini dengan Peraturan Am PSKK 2026, maka Peraturan Am PSKK 2026 hendaklah diguna pakai.

2.3. Sekiranya berlaku percanggahan tafsiran antara versi Bahasa Malaysia dengan mana-mana peraturan rasmi WN, teks asal yang diterbitkan oleh WN hendaklah dirujuk bagi tujuan tafsiran teknikal.

2.4. Sebarang perkara yang tidak diperuntukkan dalam Peraturan Pertandingan ini hendaklah diputuskan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 dengan mengambil kira Peraturan Am PSKK 2026 dan Undang-Undang Permainan Bola Jaring Dunia (*World Netball – WN*) yang sedang berkuat kuasa.

2.5. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 berhak meminda atau menambah mana-mana peraturan dengan persetujuan Persatuan Bola Jaring Selangor (PBJS).

3. TARIKH DAN TEMPAT PERTANDINGAN

3.1. Tarikh dan tempat pertandingan Bola Jaring PSKK 2026 adalah seperti yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 seperti berikut:

Tarikh	20 hingga 22 November 2026 (Jumaat - Ahad)
Tempat	Sportizza Shah Alam, Selangor

3.2. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 berhak membuat pindaan terhadap tarikh, masa, tempat atau jadual pertandingan sekiranya perlu atas faktor keselamatan, teknikal, operasi atau sebab-sebab munasabah yang lain. Sebarang pindaan akan dimaklumkan kepada semua agensi dengan kadar segera.

4. PENDAFTARAN PEMAIN

4.1. Setiap agensi hendaklah mendaftarkan pasukan mengikut kategori yang dipertandingkan bagi pertandingan Bola Jaring. Kegagalan mematuhi syarat ini boleh menyebabkan penyertaan agensi berkenaan ditolak atau dibatalkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.

4.2. Setiap pasukan hendaklah mendaftarkan bilangan pemain mengikut syarat penyertaan bagi setiap acara sukan. Bilangan pemain, pemain simpanan, Pengurus Pasukan dan Jurulatih yang dibenarkan adalah seperti yang diperincikan dalam jadual bagi setiap acara (Perkara 3.0 Peraturan Am Pesta Sukan Kementerian Kewangan Ke-47, 2026).

No.	Kategori	Pemain	Simpanan	Pengurus	Jurulatih
1.	Bola Jaring	7	5	1	1

4.3. Semua pemain hendaklah berdaftar dengan agensi masing-masing mengikut syarat yang ditetapkan dalam Peraturan Am PSKK 2026.

4.4. Hanya pemain yang berdaftar dan disahkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 layak mengambil bahagian dalam pertandingan.

4.5. Sebarang pendaftaran pemain yang diterima selepas tarikh tutup pendaftaran tidak akan dipertimbangkan, melainkan mendapat kelulusan Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.

4.6. Sebarang permohonan pindaan pendaftaran pemain selepas tarikh tutup hendaklah mendapat kelulusan Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 tertakluk kepada Peraturan Am PSKK 2026.

4.7. Bagi setiap pasukan yang bertanding, setiap perlawanan hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:

4.7.1. Setiap pasukan hendaklah mendaftarkan tidak lebih daripada dua belas (12) orang pemain yang terdiri daripada tujuh (7) pemain utama dan lima (5) pemain simpanan. Hanya pemain yang berdaftar dibenarkan bermain sepanjang pertandingan.

4.7.2. Setiap pasukan diwajibkan memastikan sekurang-kurangnya satu (1) orang pemain veteran atau pegawai berada di dalam gelanggang sepanjang tempoh perlawanan yang sedang berlangsung. Pemain veteran atau pegawai ini akan ditandakan menggunakan armband untuk membezakan dengan pemain-pemain lain.

4.7.3. Hanya dua (2) orang pemain profesional yang pernah mewakili Negeri dan Negara **(bermula tahun 2024 hingga kini)** sahaja dibenarkan mendaftar dalam Kejohanan ini. Berikut adalah senarai Kejohanan yang diambil kira:

4.7.3.1. Kejohanan Bola Jaring Asia

4.7.3.2. Kejohanan Bola Jaring Remaja Asia Kebangsaan

4.7.3.3. Kejohanan Bola Jaring Kebangsaan

4.7.3.4. Kejohanan Bola Jaring Remaja Kebangsaan

4.7.3.5. Netball Super League (NSL)

4.7.4. Pasukan yang tidak mematuhi peraturan pendaftaran dan kelayakan pemain, penyertaan pasukan dalam acara ini akan dibatalkan. Semua perlawanan yang telah disertai dianggap tidak sah dan kemenangan percuma akan diberikan kepada pasukan lawan.

5. FORMAT PERTANDINGAN

5.1. Format pertandingan hendaklah mengikut Peraturan Am PSKK 2026, Perkara 11.0 (Pertandingan) dan jadual pertandingan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.

5.2. Sekiranya penyertaan mengandungi dua belas (12) pasukan atau lebih, pertandingan di Peringkat Awal akan dijalankan secara liga satu (1) pusingan dalam empat (4) kumpulan iaitu Kumpulan A, Kumpulan B, Kumpulan C dan Kumpulan D.

5.3. Johan dan Naib Johan Kejohanan Bola Jaring Pesta Sukan Kementerian Kewangan Ke-46 2024 akan menjadi pasukan pilihan (*Seeded*). Johan akan diletakkan dalam

Kumpulan A, Naib Johan dalam Kumpulan B. Pasukan lain akan diundi untuk menentukan Kumpulan masing-masing, kecuali pasukan tuan rumah.

5.4. Umur pemain veteran adalah sebagaimana perkara 4.1.3 Peraturan Am Pesta Sukan Kementerian Kewangan Ke-47, 2026.

5.5. Sebarang perkara berkaitan format pertandingan yang tidak diperuntukkan dalam Peraturan Pertandingan ini hendaklah diputuskan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 dengan mengambil kira Undang-Undang Permainan Bola Jaring Dunia (*World Netball – WN*) serta nasihat Persatuan Bola Jaring Selangor (PBJS).

5.6. *WALK-OVER* adalah tidak dibenarkan kecuali kerana kecederaan atau sebab lain tertakluk kepada budi bicara Ketua Pengadil. Jika mana-mana pasukan memberi kemenangan *WALK-OVER,* kategori tersebut akan dimenangi oleh pihak lawan sama ada sebelum atau selepas permainan dimulakan.

5.7. Pertukaran nama pemain selepas penyerahan senarai susunan permainan tidak akan dilayan.

5.8. Semua perlawanan hendaklah berjalan sebagaimana dijadualkan. Permohonan untuk penangguhan tidak akan dilayan kecuali atas sebab-sebab yang telah dinyatakan.

6. PERALATAN

6.1. Semua peralatan pertandingan hendaklah mematuhi spesifikasi yang ditetapkan oleh ***World Netball (WN)*** dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.

6.2. Bola rasmi yang akan digunakan sepanjang pertandingan ialah **Molten SN58MX**.

6.3. Gelanggang, tiang gol dan semua peralatan pertandingan hendaklah mematuhi spesifikasi yang ditetapkan oleh ***World Netball (WN)***.

6.4. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 berhak menentukan penggunaan mana-mana peralatan pertandingan yang difikirkan sesuai bagi memastikan kelancaran dan keselamatan pertandingan.

6.5. Semua bola pertandingan akan disediakan oleh pihak penganjur.

7. WAKTU PERTANDINGAN DAN PENANGGUHAN PERTANDINGAN

7.1. Semua perlawanan hendaklah dijalankan mengikut jadual yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.

7.2. Semua pasukan hendaklah bersedia untuk memulakan perlawanan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 berhak memulakan perlawanan lebih awal atau lewat daripada jadual yang ditetapkan sekiranya keadaan memerlukan.

7.3. Sekiranya sesuatu perlawanan tidak dapat diteruskan akibat kegagalan hadir atau sebab-sebab lain yang dibenarkan di bawah Peraturan Pertandingan ini, keputusan hendaklah dibuat oleh Ketua Pengadil.

7.4. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 berhak menangguhkan, memberhentikan atau menjadualkan semula sesuatu perlawanan sekiranya berlaku keadaan yang boleh menjejaskan kelancaran atau keselamatan pertandingan, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerosakan peralatan, gangguan teknikal, bencana, cuaca, arahan pihak berkuasa atau keadaan luar jangka yang lain.

7.5. Sebarang perubahan terhadap jadual pertandingan hendaklah dimaklumkan kepada semua agensi secepat mungkin.

7.6. Bagi peringkat pusingan awal, tempoh perlawanan adalah **15 minit × 3 minit × 15 minit**.

7.7. Bagi peringkat akhir, tempoh perlawanan adalah **10 minit - (3 minit) - 10 minit - (5 minit) - 10 minit - (3 minit) - 10 minit.**

7.8. Masa pemberhentian kecederaan yang dibenarkan adalah seperti berikut:

7.8.1. Pemberhentian kecederaan kali 1 (pertama) daripada mana-mana pasukan diberi sehingga 2 (dua) minit sahaja. Pemain boleh dirawat di dalam atau di luar gelanggang.

7.8.2. Pemberhentian kecederaan kali kedua (2) dan seterusnya daripada pasukan yang sama dalam masa permainan yang sama diberi sehingga

30 (tiga puluh) saat sahaja. Pemain hendaklah dirawat di luar gelanggang atau pertukaran pemain dilakukan (bergantung daripada keputusan jurulatih pasukan). Sekiranya pemain lewat mengambil tempat selepas tempoh 30 saat, pemain tersebut tidak boleh terus memasuki gelanggang sehingga diberitahu oleh pengadil mengikut peraturan pemain yang lewat memasuki gelanggang.

7.8.3. Sekiranya pemberhentian diminta oleh pasukan yang berbeza maka kiraan kecederaan akan dikira bermula daripada yang pertama (1) dan seterusnya.

7.8.4. Pemberhentian kecederaan adalah mengikut pemberhentian yang ke berapa, pasukan yang meminta dan masa permainan yang terlibat. Pemberhentian kecederaan akan bermula baru apabila perlawanan memasuki masa perlawanan berikutnya.

7.8.5. Pasukan lawan yang tidak meminta masa kecederaan boleh melakukan pertukaran pemain atau pertukaran posisi dalam masa kecederaan tersebut.

7.9. Pemain yang sakit atau cedera boleh membuat pertukaran dengan pemain simpanan yang ada dan boleh bermain semula selepas diganti.

7.10. Sekiranya pasukan hanya mempunyai seorang pemain veteran dan pemain tersebut mengalami kecederaan semasa perlawanan, pasukan berkenaan hendaklah meneruskan permainan dengan hanya enam (6) orang pemain sekiranya tiada pemain veteran lain yang boleh menggantikannya.

7.11. Pertukaran pemain boleh dibuat semasa perlawanan dan selepas waktu rehat separuh masa.

7.12. Hanya **sepuluh (10) minit** akan diberikan kepada pasukan yang lewat hadir. Selepas tempoh tersebut, pasukan lawan akan diberikan kemenangan percuma *(walk-over)* dengan keputusan **15–0** dan memperoleh **tiga (3) mata**.

7.13. Sesuatu perlawanan boleh dimulakan dengan sekurang-kurangnya **lima (5) orang pemain** bagi setiap pasukan. Pemain yang hadir lewat dibenarkan menyertai perlawanan pada hantaran tengah *(centre pass)* yang berikutnya.

8. PEGAWAI TEKNIKAL

8.1. Semua Pegawai Teknikal pertandingan hendaklah dilantik oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 dengan kerjasama Persatuan Bola Jaring Selangor.

8.2. Pegawai Teknikal hendaklah menjalankan tugas mengikut Undang-Undang Permainan Bola Jaring Dunia (*World Netball – WN*) dan nasihat Persatuan Bola Jaring Selangor (PBJS) yang sedang berkuat kuasa serta Peraturan Am PSKK 2026.

8.3. Semua pemain, Pengurus Pasukan dan Jurulatih hendaklah mematuhi arahan serta keputusan Pegawai Teknikal sepanjang pertandingan berlangsung.

8.4. Keputusan Pegawai Teknikal berkaitan pengendalian sesuatu perlawanan adalah muktamad, tertakluk kepada peruntukan rayuan yang ditetapkan dalam Peraturan Am PSKK 2026, jika berkenaan.

8.5. Pengadil berhak mengambil tindakan terhadap mana-mana pemain, pegawai pasukan atau pasukan yang melanggar Undang-Undang Permainan Bola Jaring Dunia (*World Netball – WN*) atau Peraturan Pertandingan ini.

8.6. Sebarang bantahan berkaitan keputusan teknikal hendaklah dikemukakan mengikut tatacara yang diperuntukkan di bawah Peraturan Am PSKK 2026.

9. SISTEM PERTANDINGAN DAN PERATURAN TEKNIKAL

9.1. Bagi pertandingan yang dijalankan secara LIGA, pemberian mata adalah seperti berikut:

Menang	3 Mata
Seri	1 Mata
Kalah	0 Mata

9.2. Sekiranya berlaku seri pada jumlah mata di akhir perlawanan secara Liga, maka keputusan perlawanan antara kedua-dua pasukan akan diambil kira bagi menentukan pemenang, walau bagaimanapun:-

9.2.1. Jika kedua-dua pasukan seri, atau jika lebih daripada dua pasukan mempunyai jumlah mata yang sama di akhir perlawanan, purata gol akan menentukan kedudukan.

9.2.2. Jika purata gol masih seri, maka perbezaan gol akan diguna pakai.

9.2.3. Jika kedudukan masih seri, maka pasukan yang menjaringkan gol terbanyak akan diisytiharkan sebagai pemenang.

9.2.4. Sekiranya masih seri, keputusan akan ditentukan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.

9.3. Pasukan yang layak ke pusingan seterusnya akan ditentukan berdasarkan kedudukan dalam kumpulan mengikut sistem pertandingan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.

9.4. Di peringkat kumpulan, setiap pasukan hendaklah bermain semua perlawanan yang dijadualkan.

9.5. Sistem Kalah Singkir: Jika keputusan berakhir dengan seri pada peringkat suku akhir / separuh akhir / akhir, maka keputusan pertandingan akan ditentukan seperti berikut;

9.5.1. Masa rehat akan diberikan selama 3 minit selepas tamat permainan. Penggantian dan/atau pertukaran posisi dibenarkan;

9.5.2. Kedua-dua pasukan akan mengundi semula untuk memilih hantaran tengah atau gol;

9.5.3. Permainan akan diteruskan dengan lima (5) hantaran tengah dibuat secara bergilir-gilir;

9.5.4. Pasukan yang pertama mendapat 3 gol akan dianggap sebagai pemenang.

9.6. Sekiranya terdapat perkara yang tidak diperuntukkan berkaitan sistem pertandingan, Undang-Undang Permainan Bola Jaring Dunia (*World Netball – WN*) hendaklah diguna pakai.

10. PAKAIAN PERTANDINGAN

10.1. Setiap pasukan hendaklah memakai pakaian seragam yang mempunyai corak, reka bentuk dan warna yang sama.

10.2. Pemakaian seluar pendek, seluar legging, skirt dan pakaian ketat (*tight*) adalah tidak dibenarkan.

10.3. Setiap pasukan hendaklah membawa dua (2) set bib yang berlainan warna. Ketinggian huruf pada bib hendaklah berukuran enam (6) inci.

10.4. Sekiranya kedua-dua pasukan memakai bib yang sama warna, pasukan yang dinamakan sebagai pasukan kedua dalam Jadual Pertandingan hendaklah menukar bib kepada warna yang berbeza.

10.5. Semua pemain hendaklah memakai pakaian dan kelengkapan yang sesuai serta tidak memakai sebarang aksesori atau peralatan yang boleh membahayakan diri sendiri atau pemain lain semasa perlawanan.

10.6. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 atau Pengadil berhak mengarahkan mana-mana pemain yang tidak mematuhi peraturan pakaian pertandingan untuk membuat pembetulan sebelum dibenarkan mengambil

bahagian dalam perlawanan.

11. SYARAT PERTANDINGAN

11.1. Hanya pemain yang berdaftar dan disahkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 layak mengambil bahagian dalam pertandingan.

11.2. Pemain hanya dibenarkan mengambil bahagian dalam kategori yang telah didaftarkan dan diluluskan.

11.3. Semua pemain hendaklah bersedia untuk bermain apabila dipanggil oleh Pegawai Teknikal atau Ketua Pengadil.

11.4. Semua pemain hendaklah mematuhi arahan Pegawai Teknikal sepanjang pertandingan berlangsung.

11.5. Semua pemain bertanggungjawab memastikan mereka berada dalam keadaan sihat dan cergas sebelum mengambil bahagian dalam pertandingan.

11.6. Mana-mana pasukan atau pemain yang menarik diri daripada pertandingan selepas pengesahan penyertaan hendaklah mematuhi ketetapan yang diperuntukkan di bawah Peraturan Am PSKK 2026.

11.7. Pengurus Pasukan hendaklah mengemukakan senarai pemain kepada ketua urusetia sekurang-kurangnya tiga puluh (30) minit sebelum sebelum sesuatu perlawanan bermula.

11.8. Sebarang pertukaran nama pemain selepas penyerahan senarai pemain tidak akan dibenarkan, kecuali dengan kelulusan Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.

11.9. Semua perlawanan hendaklah dijalankan mengikut jadual yang ditetapkan. Sebarang permohonan penangguhan hendaklah tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.

11.10. Pengurus Pasukan atau Ketua Pasukan bertanggungjawab memastikan semua pemain mematuhi jadual pertandingan, peraturan pertandingan dan arahan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.

11.11. Semua pemain hendaklah menunjukkan semangat kesukanan yang tinggi serta menghormati Pegawai Teknikal, Pengadil, pihak penganjur, pihak lawan dan penonton sepanjang pertandingan berlangsung.

11.12. Mana-mana pasukan yang enggan meneruskan perlawanan atau menarik diri tanpa kelulusan Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 boleh dikenakan tindakan mengikut Peraturan Am PSKK 2026.

11.13. Semua peserta hendaklah menjaga kebersihan, keselamatan dan kemudahan yang disediakan di tempat pertandingan. Sebarang kerosakan yang berpunca daripada kecuaian peserta boleh dikenakan tindakan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.

12. KESALAHAN DAN DENDA

12.1. Semua pemain, Pengurus Pasukan dan Jurulatih hendaklah mematuhi Peraturan Pertandingan ini, Peraturan Am PSKK 2026 serta arahan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.

12.2. Mana-mana agensi yang didapati mengemukakan maklumat palsu atau menggunakan pemain yang tidak layak boleh dikenakan tindakan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.

12.3. Sebarang salah laku atau tindakan yang berlaku semasa sesuatu perlawanan hendaklah dikendalikan mengikut Undang-Undang Permainan Bola Jaring Dunia (*World Netball – WN*) serta keputusan Ketua Pengadil.

12.4. Mana-mana pemain, Pengurus Pasukan atau Jurulatih yang menunjukkan tingkah laku tidak beretika, tidak berhemah atau menjejaskan kelancaran pertandingan boleh dikenakan tindakan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.

12.5. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 berhak mengambil tindakan yang bersesuaian berdasarkan tahap kesalahan yang dilakukan, selaras dengan Peraturan Am PSKK 2026.

12.6. Sebarang bentuk bantahan terhadap keputusan Pengadil semasa perlawanan hendaklah dibuat mengikut tatacara yang ditetapkan di bawah Peraturan Am PSKK 2026. Keputusan Pengadil bagi perkara fakta semasa perlawanan adalah muktamad.

13. PERTUKARAN PEMAIN

13.1. Hanya pemain yang telah didaftarkan dan disahkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 dibenarkan mengambil bahagian dalam sesuatu perlawanan.

13.2. Pertukaran pemain dibenarkan semasa permainan seperti *tactical change* sejurus selepas jaringan gol dilakukan tanpa perlu menunggu waktu rehat, atau semasa waktu rehat antara suku permainan atau mengikut Undang-Undang Permainan Bola Jaring Dunia (*World Netball – WN*).

13.3. Semua pertukaran pemain hendaklah dimaklumkan kepada Pengadil atau Pegawai Teknikal sebelum pertukaran dibuat.

13.4. Sebarang pertukaran pemain yang tidak mematuhi Peraturan Pertandingan ini atau Undang-Undang Permainan Bola Jaring Dunia (*World Netball – WN*) boleh menyebabkan tindakan diambil oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.

14. HAK JAWATANKUASA PERTANDINGAN

14.1. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 akan menjalankan undian perlawanan mengikut amalan dan format Bola Jaring Dunia (*World Netball – WN*) yang terpakai.

14.2. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 adalah berhak mengambil / membuat sebarang keputusan jika timbul sesuatu kemusykilan / masalah dalam

kejohanan ini yang tidak tercatat dalam Peraturan Pertandingan ini dan keputusan yang diambil adalah muktamad.

14.3. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 berhak mendapatkan pandangan atau nasihat daripada Persatuan Bola Jaring Selangor (PBJS) atau mana-mana Pegawai Teknikal yang dilantik dalam membuat sesuatu keputusan berkaitan perkara teknikal.

14.4. Sebarang keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 adalah muktamad dan sebarang rayuan hendaklah dikemukakan mengikut Peraturan Am Pesta Sukan Kementerian Kewangan Kali Ke-47 Tahun 2026 (PSKK 2026).

14.5. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 berhak mengambil tindakan yang difikirkan sesuai terhadap mana-mana pasukan atau individu yang gagal mematuhi Peraturan Pertandingan ini atau Peraturan Am PSKK 2026.

15. KESELAMATAN

15.1. Pihak penganjur menyediakan perkhidmatan ambulans dan paramedik di tempat pertandingan bagi sebarang kecederaan atau kecemasan yang berlaku ketika pertandingan berlangsung.

15.2. Semua pemain, pegawai pasukan dan peserta hendaklah mematuhi arahan Pegawai Teknikal, petugas pertandingan serta pihak keselamatan sepanjang pertandingan berlangsung.

15.3. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 berhak menangguhkan, memberhentikan atau membatalkan sesuatu perlawanan sekiranya keadaan didapati boleh menjejaskan keselamatan pemain, pegawai atau orang awam.

15.4. Pihak penganjur turut menyediakan anggota **Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA)** di tempat pertandingan bagi membantu aspek keselamatan dan kawalan sepanjang pertandingan berlangsung.

15.5. Semua peserta, pegawai pasukan dan penyokong hendaklah sentiasa mematuhi arahan keselamatan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026, pihak pengurusan tempat pertandingan, anggota RELA serta agensi berkaitan, dan memberikan kerjasama sepenuhnya sekiranya berlaku sebarang kecemasan.

15.6. Setiap pemain bertanggungjawab memastikan dirinya berada dalam keadaan sihat dan cergas sebelum menyertai pertandingan.

15.7. Sekiranya seseorang pemain mengalami kecederaan atau masalah kesihatan semasa pertandingan, Pengadil berhak memberhentikan perlawanan bagi membolehkan rawatan diberikan mengikut Undang-Undang Permainan Bola Jaring Dunia (*World Netball – WN*).

16. PERKARA-PERKARA LAIN

16.1. Semasa permainan berlangsung, pemain tidak dibenarkan meninggalkan gelanggang tanpa kebenaran pengadil.

16.2. Jawatankuasa Pengelola tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kehilangan harta benda, kecederaan atau kemalangan yang menimpa pemain / pasukan yang mengambil bahagian sepanjang kejohanan ini diadakan.

16.3. Semua peserta hendaklah menunjukkan semangat kesukanan yang tinggi selain mengekalkan nilai-nilai murni bagi memastikan perjalanan pertandingan PSKK 2026 dilaksanakan dengan baik.